




Transformasi Perpustakaan bagi Pelajar Antarabangsa di Malaysia.

Seminar Kepustakawan 2013

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIMAS**







PENDAHULUAN

Dasar kerajaan

- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, PSPTN, Malaysia - Hub Kecemerlangan untuk pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Sasaran 2020 dengan jangkuan seramai 200,000 orang pelajar atau 10% enrolmen pelajar antarabangsa di pusat pengajian tinggi di Malaysia
- Pada tahun 2009, jumlah pelajar asing di Malaysia adalah seramai 850,000 orang (Internationalisation Policy, 2011)

- Pada 31 Disember 2010 sahaja jumlah pelajar asing mencecah hampir 80,700 dari lebih 150 buah negara.
- Daripada jumlah itu 22,400 menuntut di instituti pengajian tinggi awam manakala bakinya, 58,300 di institusi pengajian tinggi swasta – sumber BERNAMA

Standard Perpustakaan dan Kolej dan Universiti Awam , PERPUN 2002

Antara piawaian yang ditetapkan:

- Pembangunan koleksi yang strategik merangkumi rujukan utama, bahan rujukan tambahan serta ciri khusus kursus pengajian yang ditawarkan.
- pengurusan koleksi yang sistematik,
- kakitangan yang terlatih.
- kemudahan-kemudahan dan persekitaran yang disediakan sesuai dengan fungsi perpustakaan yang menjadi tunjang kepada universiti atau kolej.
- Teknologi maklumat dan ICT serta
- Fokus belanjawan yang diperuntukan kepada perpustakaan dan kolej

Statistik Pelajar Antarabangsa

- UNIMAS - enrolmen pelajar sehingga Ogos 2013 adalah seramai 134 orang pelajar pasca siswazah dan 444 pelajar pra siswazah
- Universiti Teknologi MARA bagi tahun 2012, pelajar pasca siswazah berjumlah 290 orang.
- Universiti Malaysia Pahang bagi enrolmen tahun 2012 adalah seramai 149 orang pelajar pasca siswazah dan 48 orang pelajar pra siswazah

KAJIAN & ISU

- **Orientasi perpustakaan yang tidak dilakukan dengan mendalam**
 - Orientasi secara ringkas dan tidak begitu difahami oleh pelajar antarabangsa
 - Program orientasi perpustakaan yang dilaksanakan kepada pelajar baru tidak dijalankan secara menyeluruh dan tiada orientasi khas kepada pelajar antarabangsa

- **Waktu perpustakaan**
 - Kajian yang dilakukan di beberapa perpustakaan di universiti mendapati terdapat permintaan di kalangan para pelajar antarabangsa ini agar perpustakaan di buka 24 jam. Perkhidamatan selama 24 jam telah dipraktikkan di perpustakaan di luar negara, antaranya di :-
 - Perpustakaan di Western University of Australia
 - Perpustakaan di University of Curtin, Australia,
 - Koc University Library – Turkey

- **Kepelbagaian budaya dan bahasa**
 - Masalah yang didapati timbul adalah dari segi penggunaan perkataan yang membawa maksud yang pelbagai pengertian.
 - Contohnya perbezaan antara ‘hold’, ‘request’ dan ‘reservation’. Perkataan-perkataan ini digunakan oleh perpustakaan dengan maksud yang berbeza dan tiada keseragaman di semua perpustakaan

- **Persepsi pelajar melalui pengalaman penggunaan perpustakaan**
 - Literasi Khusus – Kelas kemahiran maklumat
 - Penggunaan webOPAC dan lain-lain modul literasi menggunakan kemahiran ICT

- **Papan tanda, tunjuk arah, risalah dan sebagainya.**
 - maklumat dalam pelbagai bahasa – Bahasa kedua Inggeris, Arab, Mandarin

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- **Pegawai perpustakaan berkemahiran bahasa asing dan konsep ‘buddies’**
 - Pegawai perpustakaan yang berkemahiran dalam bahasa asing perlu ditempatkan di perpustakaan bagi memudahkan interaksi dengan pelajar antarabangsa ini.
 - konsep ‘buddies’ iaitu rakan pelajar sendiri yang ditugaskan di perpustakaan juga dapat membantu pelajar berkomunikasi dengan lebih baik dengan rakan sebaya.

Pembangunan staf dan latihan

- Pembangunan staf dan latihan perlu dilaksanakan secara berkala dalam menangani isu perkhidmatan kepada pelajar antarabangsa. Skop latihan perlu mencakupi perkara-perkara yang berikut:-
 - kesedaran tentang keperluan pelajar antarabangsa
 - kesedaran kepelbagaian budaya
 - khidmat pelanggan
 - kemahiran komunikasi dari segi penguasaan bahasa kedua.
 - strategi penyelesaian masalah
 - kemahiran capaian kepada maklumat

- **Kolaborasi dengan bahagian lain dalam universiti**
 - Pejabat Antarabangsa,
 - Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
 - Bahagian Hal Ehwal pelajar
 - Bahagian Akademik – Prasiswazah, Pasca
 - Bahagian Kebudayaan dan Kesenian – Pidato Pelajar Antarabangsa, Pantun, Pertunjukan Fesyen
 - Fakulti – cth program komuniti anak angkat sempena Aidilfiri –UNIMAS-FSGK, Minggu Indonesia

- **Lain-lain perkhidmatan dan kemudahan**

- Perkhidmatan dan kemudahan lain yang boleh disediakan kepada pelajar antarabangsa ini adalah seperti berikut :-
- orientasi perpustakaan yang lebih komprehsif.
- Kelas khas kemahiran maklumat.
- Penyediaan surat khabar bahasa asal pelajar dan juga majalah berkaitan
- Sokongan penggunaan komputer kepada pelajar bukan bahasa Inggeris bahasa ibunda mereka.
- Risalah cara penggunaan kemudahan perpustakaan dalam pelbagai bahasa.
- Glosari dalam bahasa asing dan bahasa Inggeris yang menerangkan terma-terma yang digunakan di perpustakaan

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

- Pengukuhan jaringan global yang aktif dan bermakna
- Suasana kondusif untuk pelajar/penyelidik antarabangsa terus dipelihara dan diberi perhatian serius seperti prosidur imigresen, serta meningkatkan kemudahan penginapan, sosial dan keselamatan
- Kegiatan promosi yang berterusan dan berkesan di laksanakan
- Konsep ‘Learning space’ yang menjadi trend masa kini

KESIMPULAN

- Bagi menjamin kelangsungan dan memperbaiki perkhidmatan di perpustakaan adalah penting untuk mendapatkan maklumbalas secara berkala daripada pelajar tentang perkhidmatan yang diberikan, ini bagi ruang penambahbaikan. Pihak perpustakaan juga perlu mengadakan penandaarasan dengan perpustakaan di luar negara yang telah berada dalam kelasnya yang tersendiri.
- Contoh – UNIMAS – Global Outreach Program – Korea, Turkey, Jepun, China.

Terima Kasih